

## Maklumat Komoditi : Sengkuang

### Kesesuaian Tanaman

#### FAKTOR IKLIM

Sengkuang memerlukan keadaan lembab dan panas dengan dengan suhu hariannya diantara 21<sup>0</sup> C - 30<sup>0</sup> C dan jumlah kedapatan hujan tahunan antara 500 - 1500 mm. Ia juga boleh ditanam di kawasan tanah tinggi sehingga 1800 a.p.l.

#### FAKTOR TANAH

Sengkuang merupakan tanaman tanah rendah yang sangat tahan dan boleh hidup pada kebanyakan jenis tanah namun tanah peroi dan ringan adalah paling sesuai untuk tumbesaran ubi sengkuang. Bagi tanah jenis berat atau tanah berpasir, stuktur tanah perlu dibaiki dengan menambah bahan organan sebelum menanam. Bagi tanah gambut, pengapuran adalah diperlukan. pH yang paling sesuai bagi tanaman sengkuang ialah antara 5.5 - 6.8. Kebanyakan tanah di Malaysia mempunyai pH yang rendah oleh itu kapur diperlukan untuk mengurangkan kemasaman tanah tersebut.